

02/05/2001

Boleh bersara awal ceburi perniagaan IT: Mahathir

Kadir Dikoh; Mohd Fuad Razali

KUALA LUMPUR, Selasa - Kerajaan bersedia membenarkan kakitangannya bersara awal untuk menceburi bidang perniagaan yang ada kaitan dengan sektor teknologi maklumat (IT), kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, langkah itu akan dapat membantu usaha menjadikan Malaysia sebuah negara maju sejajar dengan matlamat Wawasan 2020, dengan jumlah rakyatnya yang berpengetahuan meningkat.

"Kerajaan tidak akan menyekat kakitangan awam yang ada pengalaman dan berkebolehan untuk bersara awal. Mereka boleh menambah pendapatan dan buka perniagaan seperti syarikat perisian.

"Manalah tahu, dalam sedikit masa nanti mereka boleh jadi jutawan... jangan pula kita iri hati dengan kejayaan dia. Kita tahu jumlah Bumiputera kurang dalam perniagaan," katanya berucap selama kira-kira 80 minit di majlis Perhimpunan Hari Pekerja 2001 bagi kakitangan sektor awam, di sini hari ini.

Dr Mahathir kemudian menjawab pelbagai soalan dalam sesi soal jawab selama kira-kira 30 minit di majlis yang dihadiri kira-kira 1,000 kakitangan awam itu.

Bercakap kepada pemberita kemudian, beliau berkata kesediaan kerajaan membenarkan kakitangan awam bersara awal untuk menceburi bidang perniagaan itu bukan satu dasar baru.

"Kira-kira 15 tahun lalu, kita sudah memutuskan bahawa kakitangan kerajaan yang ingin berniaga boleh meninggalkan perkhidmatan dan kita sedia latihan untuk mereka, kemudian mereka boleh menceburi perniagaan.

"Masalahnya, kita tidak mempunyai jumlah Bumiputera yang mencukupi untuk menceburi bidang perniagaan kerana kebanyakan mereka bekerja dalam kerajaan dan tidak boleh menyertai perniagaan kerana kurang pengalaman," katanya.

Dr Mahathir berkata, sekarang jika mereka mempunyai kemahiran terutama dalam bidang IT dan apabila dirasakan boleh berdaya maju, mereka digalakkan membuka perniagaan sendiri.

Dalam ucapannya, Dr Mahathir juga berkata bahawa peningkatan produktiviti perlu bagi menjamin negara terus mantap sebagai sebuah negara perindustrian, berbeza daripada asal-usulnya sebagai negara yang bergantung kepada getah dan bijih timah.

Beliau berkata, Malaysia dijangka mengeksport barangan bernilai RM380 bilion tahun ini dan 82 peratus daripadanya terdiri daripada barangan buatan. Daripada peratusan itu, 52 peratus ialah produk elektronik.

Perdana Menteri yakin bahawa sektor awam dan swasta sedar mengenai pentingnya pekerja masing-masing meningkatkan produktiviti bagi melihat hasrat menjadikan RM1,200 sebagai gaji minimum pekerja menjadi kenyataan.

Menjawab satu pertanyaan pada sesi soal jawab, beliau berkata kerajaan akan berusaha menjaga masa depan pekerja tempatan lebih-lebih lagi dengan pelaksanaan persetujuan perdagangan mengikut Pertubuhan Perdagangan Sedunia (WTO) dan Kawasan Perdagangan Bebas Asean (Afta).

Ditanya pemberita kemudian, beliau menjelaskan pekerja tempatan akan diberikan keutamaan berbanding pekerja asing dalam mencari pekerjaan jika berlaku pemberhentian pekerja.

Katanya, pemberhentian pekerja adalah sesuatu yang tidak dapat dielakkan di sini berikutan kelembapan ekonomi yang dialami di Amerika Syarikat iaitu satu daripada rakan perdagangan utama Malaysia.

"Kita perlu mencari pekerjaan lain untuk mereka dan kita akan memberi

keutamaan kepada rakyat kita sendiri berbanding pekerja asing," katanya.

Perdana Menteri juga meminta rakyat supaya tidak tertipu dengan media asing yang kini penuh dengan propaganda mengenai betapa baiknya globalisasi yang diolah oleh Barat.

Bagaimanapun, Dr Mahathir berkata globalisasi boleh dibentuk semula dengan cara yang boleh memberikan keuntungan dan kebaikan kepada negara.

Dr Mahathir turut memuji hubungan baik yang dijalin antara kerajaan dan pekerja, termasuk yang bernaung di bawah Cuepacs, dan sikap bertimbang rasa yang diambil mereka dalam menyuarakan tuntutan.

"Pekerja di Malaysia tidak militan. Mereka membuat tuntutan yang pada pendapat mereka wajar dan bila ia tak dapat dipenuhi kerajaan, mereka tak ambil langkah-langkah ganas," katanya.

Selain mahu pekerja tempatan memahami erti sebenar globalisasi, beliau juga meminta mereka melengkapkan diri dengan ilmu berkaitan teknologi maklumat ke arah meningkatkan lagi produktiviti negara.

(END)